



UNTUK SIARAN SEGERA

**MIDF TERUSKAN TRADISI RAI ANAK YATIM DAN IKTIRAF PEKERJA
CEMERLANG**

KUALA LUMPUR, 25 Mei 2018 – Mengambil keberkatan bulan Ramadan, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) teruskan usaha membantu golongan memerlukan dengan meraikan seramai 42 orang anak-anak yatim dari Rumah Anak-Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin, Banting di Majlis Silaturrahim Iftar MIDF, hari ini.

Acara tahunan yang diadakan di Menara MIDF, Jalan Raja Chulan itu turut disertai oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan kanan serta warga kerja MIDF. Rombongan anak-anak yatim dan asnaf yang terdiri daripada 22 lelaki dan 20 perempuan itu telah menerima sumbangan 'duit raya' berjumlah RM50 setiap seorang berserta cenderahati beg dari MIDF. Selain itu, MIDF turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM5,000 kepada Rumah Anak-Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin pada majlis tersebut. Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada mereka oleh Pengerusi Kumpulan MIDF, Tan Sri Abdul Rahman Mamat.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah, acara ini merupakan antara usaha syarikat dalam menjalankan program-program kemasyarakatan. "MIDF berbesar hati untuk terus dekat dengan masyarakat dan membantu golongan yang memerlukan, dan majlis iftar ini adalah tradisi syarikat pada setiap bulan Ramadan," ujar Datuk Mohd. Najib.

Di samping itu juga, Anugerah Khidmat Pekerja Cemerlang atau MIDF XCell yang bertujuan mengiktiraf pekerja cemerlang dalam MIDF turut diadakan dalam majlis iftar. Anugerah ini telah dilancarkan pada tahun 2010 untuk menggalakkan dan meningkatkan tahap Khidmat Pelanggan yang disediakan oleh MIDF kepada pelanggan dalaman atau luaran.

Seramai 4 orang kakitangan Kumpulan MIDF telah dipilih untuk menyandang anugerah tersebut, iaitu Noor Hafizah Mansorudin, L. Nurisya Abdullah, dan Terry Siow Chia Jie dari MIDF Amanah Investment Bank Berhad serta Huzaifah Mohd Parid dari Jabatan Sekretariat & Perundangan MIDF.

Kesemua pemenang Anugerah MIDF XCell membawa pulang RM1000 setiap seorang, beserta plak dan sijil. Mereka memenangi anugerah tersebut setelah melalui proses pemilihan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penasihat Anugerah yang diketuai oleh En. Abdul Malek Abdul Hafiz, Ketua Divisyen Perkhidmatan Korporat Kumpulan.

Selain itu, MIDF turut mengiktiraf anak-anak kakitangan MIDF yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melalui Anugerah Kecemerlangan Akademik MIDF. Seramai 30 orang pelajar iaitu 2 calon UPSR, 16 calon PT3 dan 12 calon SPM telah terpilih untuk memenangi anugerah tersebut yang disampaikan oleh Tan Sri Abdul Rahman Mamat.

###

Mengenai MIDF

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah ditubuhkan lima puluh lapan tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara.

Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset and Pembiayaan Mezanin.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Irma Mahamad Tahir

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: irmawati@midf.com.my

Mastura Md Mukhlas

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 1832

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 2000 381

Emel: masturam@midf.com.my

Noorfazilah Rebatin

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8742

Faks: (03) 2173 8499

HP: (017) 2300 943

Emel: noorfazilah@midf.com.my